

PENTERJEMAHAN UNDANG-UNDANG oleh Deborah Cao. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) & ITBM: Kuala Lumpur. 2011. Halaman 229. ISBN 978-983-068-581-6.

Pengenalan

Buku atau karya asli sering mendapat tempat di rak kedai buku serta karya jenis ini mudah untuk mencuri tumpuan pembaca. Namun, trend kebelakangan ini memperlihatkan buku terjemahan juga mula mendapat perhatian pelbagai kaum di Malaysia. Pelbagai karya akademik dan karya kreatif daripada luar negara mula membanjiri pasaran buku negara melalui kegiatan penterjemahan. Selain Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), penubuhan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) misalnya telah membantu dalam memastikan kelestarian bidang terjemahan serta kelangsungan bahasa Melayu selaku bahasa ilmu di Malaysia.

Saya sudah cukup matang untuk mengingati saat, iaitu ketika hakim dan peguam yang terpelajar berfikir bahawa dengan hanya meninggikan suara, sudah memadai untuk menyampaikan mesej kepada pelbagai jenis orang yang datang ke Australia, walaupun orang tersebut datang dari pelbagai tempat, dengan pelbagai bahasa dan budaya yang berbeza. Hakim dan peguam ini percaya jika mereka bercakap dengan suara yang cukup kuat, golongan ini akan memahami bahasa Inggeris seperti orang lain yang terpelajar. Namun lama-kelamaan, rakyat Australia mula menyedari bahawa lebih ramai orang yang bertutur dalam bahasa lain, selain bahasa Inggeris. Bahkan bahasa Inggeris bukanlah bahasa yang paling banyak dituturkan di dunia sebaliknya sekadar salah satu bahasa yang paling bersifat global dan sejagat.

(Kirby, 2011:xii)

Petikan ucapan Hakim Kirby di atas memberikan dua tafsiran. Pertama, penyampaian dan pemahaman mesej dalam komunikasi manusia tidak bergantung sepenuhnya pada nada suara. Kedua, manusia bertutur dalam pelbagai bahasa, maka wujudnya keperluan untuk aktiviti penterjemahan berlaku dalam konteks undang-undang. Secara tidak langsung, situasi ini memberikan justifikasi ke arah penterjemahan buku atau teks undang-undang berbahasa Inggeris ke dalam bahasa lain, khususnya bahasa Melayu. Bahasa bukan milik mutlak sesuatu bangsa maka tidak salah andai ilmu yang terkandung dalam bahasa Inggeris diterjemah dan disampaikan mengikut lenggok dan acuan Bahasa Kebangsaan di Malaysia. Perkara yang wajar dipentingkan adalah sesuatu mesej pengarang berjaya disampaikan kepada pembaca. Oleh itu, wajar untuk sesuatu buku diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa bagi memastikan mesej dan ilmu pengarang berjaya disampaikan merentasi sempadan negara, bahasa dan budaya.

Keistimewaan Buku Terjemahan

Buku bertajuk *Penterjemahan Undang-undang* ini jelas mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Bak kata pepatah, 'tak kenal maka tak cinta'. Maka elok ditelusuri rasional pemilihan judul ini untuk diulas kandungannya. Buku ini merupakan hasil terjemahan buku bertajuk *Translating Law* daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Isi kandungannya pula membicarakan tentang terjemahan undang-undang. Pembacaan buku ini seolah-olah kita sedang memanfaatkan hasil terjemahan untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti atau ringkasnya 'terjemahan dalam terjemahan'. Di

samping itu, ada beberapa faktor tambahan yang memungkinkan buku ini dipilih oleh kedua penerbit berkenaan untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Pertama, masih kurang buku di pasaran tempatan yang membincangkan isu undang-undang daripada perspektif bahasa dan terjemahan. Antara buku sedia ada ialah buku *Bahasa Melayu Komunikasi Perundangan* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2015. Umum mengetahui bahawa pasaran buku tempatan tidak ketandusan dengan buku undang-undang. Bahkan tidak dapat disangkal lagi bahawa undang-undang merupakan disiplin yang sangat meluas dan amat berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Hal yang sama boleh diperkatakan tentang buku bahasa yang membicarakan aspek istilah dan laras bahasa teks undang-undang. Namun, sukar untuk mencari buku yang bersifat rentas disiplin, iaitu buku yang menggabungkan ilmu daripada beberapa bidang seperti bahasa dan undang-undang. Karya terjemahan bergenre ilmiah ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri apabila menggabungkan ilmu bidang undang-undang, bahasa dan terjemahan. Buku jenis ini juga mempunyai nilai tambah kerana kelompok pembeli yang disasarkan adalah lebih meluas.

Kedua, kekuatan karya ini terletak pada wibawa penulis, iaitu Deborah Cao. Penulis berbangsa Cina yang telah menjadi warganegara Australia ini menghasilkan buku *Penterjemahan Undang-undang* berdasarkan penyelidikan selama 10 tahun. Selain itu, beliau memperoleh latihan dalam bidang undang-undang dan linguistik serta berpengalaman selaku jurubahasa mahkamah termasuk sebagai penterjemah teks undang-undang. Memandangkan Dr. Cao juga merupakan seorang pengamal dalam penterjemahan undang-undang dan berkelayakan sebagai jurubahasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), maka terdapat pelbagai contoh menarik yang disertakan dalam penulisan buku ini. Hal ini demikian kerana bukan semua orang cenderung untuk mengetahui istilah dan laras bahasa yang digunakan dalam teks khusus. Maka wibawa penulis menerusi maklumat latar belakang sudah semestinya jelas terbukti.

Ketiga, maklum balas pembaca. Buku hasil usaha sama penerbit Universiti Teknologi Mara (UiTM), iaitu UPENA dan ITBM ini jelas mendapat respons positif daripada pembacanya. Hal yang sama boleh diperkatakan tentang buku sumber yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Tinjauan terhadap laman sesawang seperti *Amazon* bagi buku versi bahasa Inggeris dan *Goodreads* bagi buku versi bahasa Melayu memberikan maklum balas bahawa rata-rata pembeli dan pembaca memberikan purata empat bintang bagi kedua-dua buah buku ini. Nilai bintang dikira dari bilangan satu hingga lima bintang dalam *Amazon* dan *Goodreads*. Antara komen yang diberikan adalah buku ilmiah ini bukan sekadar memberikan pelbagai maklumat dalam setiap helaiannya, malahan buku ini membimbing pembaca akan cara untuk menggunakan maklumat tersebut. Di samping itu, pujian diberikan kepada kandungan buku yang kaya dengan contoh dan bersifat komprehensif apabila perbincangan dilakukan daripada perspektif pelbagai bahasa dan budaya.

Keempat, kekuatan karya ini terletak pada susunan bab demi bab yang membina buku ini. Walaupun buku ini terbahagi kepada tujuh bab, pembaca boleh memilih untuk memulakan bacaan pada bab yang menjadi pilihan pembaca. Hal ini bukanlah sesuatu yang pelik bagi buku yang kandungannya bersifat rentas bidang. Misalnya seorang peguam yang berminat untuk mengetahui tentang penterjemahan dokumen undang-undang persendirian boleh terus membaca bab lima tanpa perlu memulakan bacaan daripada bab satu. Pembaca yang gemar membaca satu demi satu bab bagi memperoleh idea secara teratur juga boleh memulakan

bacaan daripada bab satu sehingga bab yang terakhir, iaitu bab tujuh. Secara tidak langsung, buku ini seolah-olah memberikan kebebasan kepada pembaca bagi menentukan pembacaannya.

Kelima, buku ini juga mengandungi bahagian prakata, pendahuluan, kata pengantar, catatan penulis, penghargaan, senarai kes, bibliografi dan indeks. Setiap satu daripada bahagian ini saling melengkapi bagi memastikan pembaca mengakhiri bacaan dengan perasaan puas hati dan boleh meneruskan pencarian bahan bacaan seterusnya. Misalnya bahagian Bibliografi dari halaman 203 hingga 226 membolehkan pembaca membuat bacaan lanjut bagi mana-mana kandungan buku yang menarik perhatian pembaca. Sumber rujukan yang pelbagai dan meluas ini amat sesuai dimanfaatkan oleh pembaca memandangkan penulis tidak berkeupayaan untuk memuatkan keseluruhan halaman buku yang dirujuk. Hanya idea dan isu penting sahaja yang dipetik dan dibincangkan. Bahagian seterusnya ulasan ini akan membincangkan isi penting buku *Penterjemahan Undang-undang* mengikut pembahagian bab.

Ulasan Kandungan Bab

Bab satu merupakan mukadimah awal yang menentukan sama ada pembaca bakal terikat dan setia untuk menghabiskan bacaan atau memilih untuk tidak menyambung pembacaan. Penulis memulakan bab satu dengan bijak apabila memberikan contoh demi contoh untuk menjentik minda pembaca. Kesemua contoh dalam pelbagai bahasa membawa kepada satu kesimpulan, iaitu setiap bahasa mempunyai konsep bagi istilah undang-undang yang tersendiri. Contohnya perbezaan antara konsep *law* masyarakat Barat dengan undang-undang di Malaysia dan juga *fa* (undang-undang) di China. Walaupun konsep berkenaan mempunyai padanan dalam bahasa yang berbeza, namun tiada padanan yang tepat seratus peratus. Sebelum membawa pembaca meneroka dengan mendalam berkaitan bahasa dan penterjemahan undang-undang, penulis memancing minat pembaca dengan mengajukan soalan bertubi-tubi seperti berikut:

Justeru, apakah punca utama kesukaran dalam penterjemahan undang-undang? Apakah yang membuatkan penterjemahan undang-undang begitu istimewa dan mencabar? Apakah yang diperlukan oleh penterjemah undang-undang? Apakah pula ciri linguistik bagi jenis teks undang-undang yang berbeza-beza serta cabaran yang bakal ditempuhi oleh penterjemah?

(Cao, 2011:4)

Pembaca tidak perlu menunggu lama untuk memperoleh jawapan apabila mendapat jawapan bagi persoalan pertama dalam bab seterusnya. Bab dua membincangkan punca kesukaran berlaku dalam penterjemahan undang-undang. Tiga punca, iaitu (i) sistem undang-undang dan undang-undang yang berbeza, (ii) perbezaan linguistik, dan (iii) perbezaan budaya dibincangkan secara kritis dalam bab ini. Huraian lanjut diberikan oleh penulis dengan memberikan contoh sistem *Common Law* dan Undang-undang Sivil yang tidak serupa sekaligus menjadi punca utama kesukaran dalam menterjemah. Penulis bijak mencuit emosi pembaca apabila memulakan subtajuk seterusnya dengan persoalan, iaitu pembaca tertanya-tanya sama ada terjemahan undang-undang boleh dilakukan atau sebaliknya. Pembaca sekali lagi tidak dihampakan apabila pengarang memberikan beberapa jawapan daripada pelbagai perspektif. Antara jawabannya adalah menerusi beberapa bukti bahawa terjemahan sememangnya telah dilakukan sejak sekian lama. Tambahan pula, terjemahan bukan sekadar aktiviti mencari padanan mutlak, lantas penterjemahan bukanlah sesuatu yang mustahil.

Pemahaman antara budaya dan linguistik juga boleh berlaku dalam bahasa yang berbeza-beza.

Bersesuaian dengan tajuk ‘Penterjemah Undang-undang’, bab tiga mengkhusus pada penterjemah, kecekapan terjemahan dan kemahiran penterjemah. Bagi mengelakkan penulisan menjadi terlalu mendatar, penulis mengetengahkan beberapa pandangan sarjana seperti Smith (1995), Sarcevic (1997) dan Wagner (2003). Secara keseluruhannya, pandangan-pandangan sarjana berkenaan tentang penterjemah boleh dikelompokkan kepada aspek ilmu bidang dan aspek bahasa. Aspek pertama, penterjemah mesti memiliki pengetahuan tentang sistem undang-undang bahasa sumber dan bahasa sasaran. Persediaan ini wajar diambil bagi mengelakkan penterjemah melakukan salah terjemah. Aspek kedua pula boleh diperincikan kepada istilah dan laras bahasa undang-undang. Penulis menekankan bahawa penterjemah harus memahami semua tahap makna yang terkandung dalam bahasa sumber agar berjaya memindahkannya. Secara tidak langsung, aspek bidang dan aspek bahasa jelas memberi penekanan ke arah menghasilkan terjemahan yang berjaya mengekalkan makna.

Bab empat membawa pembaca meneroka dengan lebih lanjut berkaitan isu peristilahan undang-undang dalam terjemahan. Penulis seakan-akan memberi gambaran awal kepada pembaca apabila memaklumkan bahawa masalah penterjemahan istilah telah berlaku sejak dahulu lagi. Pernyataan ini jelas menidakkan tanggapan bahawa penterjemah sekadar perlu memberikan padanan literal bagi satu demi satu perkataan dalam teks sumber ke dalam teks sasaran. Sekali lagi pandangan dangkal tentang mesin mampu menterjemah teks undang-undang dipatahkan apabila penulis mula menjelaskan situasi sebenar. Walaupun mesin mampu menterjemah dengan pantas, dijelaskan bahawa mesin tidak mampu memahami konsep undang-undang dalam bentuk tiga dimensi, iaitu dimensi bahasa, rujukan dan konsepsi (Cao, 2001). Kekeliruan makna umum lawan makna undang-undang juga masih berlaku apabila mesin tidak mampu mengenal pasti konteks ayat. Contohnya perkataan *consideration* boleh diterjemahkan kepada makna umum, iaitu ‘pertimbangan’ atau diterjemahkan kepada makna undang-undang sebagai ‘balasan’. Begitu juga dengan perkataan *offer*, *performance* dan *assignment* yang mempunyai makna umum dan makna undang-undang.

Bab lima mengkhusus pada penterjemahan dokumen undang-undang persendirian. Penulisan bab ini seimbang perbincangannya apabila penulis menyusun idea utama mengikut aspek terjemahan, bahasa dan bidang undang-undang. Pertama, justifikasi diberikan terhadap penterjemahan dokumen jenis ini. Antaranya diterjemahkan untuk tujuan perniagaan, untuk tujuan litigasi dan untuk kegunaan individu bagi pelbagai tujuan seperti wasiat, sijil nikah dan akuan berkanun. Seterusnya ciri linguistik dokumen jenis ini dibincangkan secara teliti dari aspek ciri teks, ciri leksikal, dan ciri sintaksis. Bab ini memperlihatkan pengekaln sebahagian besar contoh perkataan dalam dokumen yang berbahasa Inggeris serta padanan yang sesuai dalam bahasa Mandarin. Penterjemah tidak menterjemahkan contoh-contoh seperti *null and void* serta padanan *wuxiao* yang diberikan ke dalam bahasa Melayu yang mungkin membuatkan pembaca tertanya-tanya dan perlu mencari sendiri padanan terjemahan bersesuaian dalam bahasa Melayu.

Bab berikutnya, iaitu bab enam dimulakan dengan garis kasar dua jenis terjemahan undang-undang domestik. Jenis terjemahan yang dimaksudkan adalah pertama, negara seperti Kanada dan Switzerland yang menggunakan sistem undang-undang dwibahasa atau berbilang bahasa.

Contoh lain adalah undang-undang dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina di Hong Kong adalah sah dan setaraf. Terdapat juga keadaan apabila undang-undang digubal dalam dua atau lebih bahasa oleh peguam, ahli bahasa dan penterjemah yang bekerja bersama-sama. Kedua, negara yang menggunakan satu bahasa sahaja dan terjemahan dilakukan ke dalam bahasa asing dengan tujuan memberikan maklumat. Teks terjemahan dalam konteks ini tidak mempunyai kuat kuasa perundangan. Setelah menjelaskan perbezaan antara kedua-duanya, penulis membawa pembaca ke arah tajuk yang lebih kompleks seperti ciri pragmatik bagi statut dalam bahasa Inggeris. Ciri pragmatik dibincangkan dari segi daya ilokusionari dalam peruntukan undang-undang yang diungkapkan dalam bahasa. Hal ini demikian kerana gaya bahasa yang berbeza digunakan untuk menyatakan kewajipan, kebenaran dan larangan.

Teks undang-undang terakhir yang dibincangkan dalam bab tujuh ialah surat cara undang-undang antarabangsa. Terdapat pelbagai istilah yang digunakan bagi merujuk surat cara undang-undang antarabangsa, iaitu triti, perjanjian, konvensyen, piagam, protokol dan persetujuan. Walaupun begitu, tiada peristilahan tepat yang wujud kerana makna bagi sesuatu istilah berbeza-beza mengikut negara. Selain membincangkan isu peristilahan, penulis memanfaatkan bahagian awal bab ini dengan menghuraikan tentang ciri-ciri dan subjek yang diliputi oleh surat cara undang-undang antarabangsa. Penulis juga menitipkan pesanan kepada penterjemah bahawa penterjemahan dokumen teknikal jenis ini agak sukar. Penterjemah disarankan agar sebaik-baiknya mendapatkan kerjasama ahli bidang apabila memerlukan pandangan dan bantuan. Bahagian akhir pula menghuraikan penggunaan teknologi terjemahan untuk menterjemah teks pelbagai bahasa.

Nilai Tambah dan Impak Buku

Pembacaan buku ini mendedahkan maklumat berserta bukti kepada pembaca bahawa penterjemahan bukan sesuatu yang bersifat mekanikal. Bahasa dipengaruhi oleh maklumat budaya, ideologi, dan elemen sastera seperti hiperbola, bahasa kiasan dan sebagainya. Terdapat beberapa idea atau impak yang boleh digariskan melalui pembacaan buku ini. Sudah semestinya impak yang dimaksudkan adalah impak positif yang boleh diteliti daripada aspek memperkayakan khazanah ilmu di Malaysia. Secara tidak langsung, koleksi kepustakaan dalam bahasa Melayu juga turut bertambah. Seterusnya, pihak-pihak yang berkenaan seperti pensyarah boleh memanfaatkan kandungan buku ini dalam urusan pengajaran dan pembelajaran. Beberapa perbincangan dan huraian penulis juga boleh dimanfaatkan oleh penterjemah dan pengamal undang-undang dalam menangani kendala dalam penterjemahan.

Walaupun penulis menyatakan penterjemah dan pengamal undang-undang sebagai pembaca sasaran buku ini, penulis memberikan beberapa peringatan penting. Antaranya penterjemah dan pengamal undang-undang merupakan dua kerjaya yang berbeza. Pembacaan buku ini semata-mata tidak menjadikan seorang penterjemah sebagai individu yang layak untuk memberikan nasihat perundangan. Pengamal undang-undang juga tidak boleh mengandaikan dirinya sebagai pakar bahasa berdasarkan teori dan konsep bahasa yang dibincangkan. Perkara utama yang ditegaskan oleh Cao (2011) adalah seorang pengamal undang-undang boleh memanfaatkan kandungan buku ini agar cakna dengan kerumitan dan keindahan sesuatu bahasa. Penterjemah pula boleh menggunakan buku ini bagi memahami cara peguam, hakim dan penggubal undang-undang berfikir dan menulis.

Sebahagian besar penulisan buku memfokuskan pada penterjemah serta dokumen yang diterjemahkan. Seiring dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi, penulis menghadiahi pembaca buku ini dengan memuatkan subtajuk penggunaan teknologi terjemahan untuk menterjemah teks pelbagai bahasa di Bab tujuh. Beberapa alat dan teknologi terjemahan berbantuan computer (CAT) seperti MultiTrans dan TRADOS dibincangkan dalam buku ini. Selain itu, peralatan peristilahan dan pangkalan data yang digunakan oleh PBB diberikan sebagai contoh untuk memudahkan pemahaman pembaca. Pangkalan data dan sumber dokumentasi serta sistem terjemahan mesin dan pengecaman suara turut dihuraikan secara ringkas dalam buku ini.

Tuntasnya, buku ini bukan sekadar buku yang dipenuhi dengan lambakan ilmu dan maklumat. Penulis bijak menyampaikan ilmu ini secara tersusun sehingga memudahkan pembaca memahaminya. Selain itu, penerangan serta contoh-contoh yang diberikan telah memudahkan pembaca untuk mempraktikkannya dalam aktiviti penterjemahan seharian. Soalan dan peringatan yang disisipkan juga seolah-olah komunikasi dua hala berlaku sewaktu pembacaan buku ini. Oleh itu, buku dengan harga mampu milik ini sewajarnya dimiliki dan dimanfaatkan kandungannya oleh semua, khususnya golongan pencinta ilmu di luar sana.

Anis Shahirah Abdul Sukur (PhD)

Pensyarah Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia.